Kenyataan Media **30 Oktober 2026**

Tubuhkan Suruhanjaya Siasatan Negeri Bagi Menyiasat Tragedi Tanah Runtuh Di Paya Terubong

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terkemuka di Pulau Pinang menggesa Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Negeri (SCI) dengan segera bagi menyiasat tragedi tanah runtuh yang berlaku berhampiran Taman Seri Rambai, Paya Terubong, pada Ahad, 25 Oktober lalu, yang telah meragut nyawa seorang doktor pesara berusia 73 tahun.

Penubuhan Suruhanjaya Siasatan Negeri (SCI) ini amat diperlukan bagi mengenal pasti punca sebenar tragedi tersebut, termasuk faktor-faktor yang menyumbang kepada kejadian berkenaan; pihak yang terlibat serta bentuk kelulusan yang telah diberikan oleh pihak berkuasa; langkah-langkah yang telah diambil atau gagal dilaksanakan serta pihak yang bertanggungjawab; sama ada wujud unsur kecuaian dan pihak yang perlu dipertanggungjawabkan; serta tahap pematuhan terhadap undang-undang dan garis panduan yang berkaitan. Siasatan ini juga penting bagi mengenal pasti langkah-langkah pencegahan yang berkesan untuk mengelakkan tragedi seumpama ini daripada berulang pada masa hadapan.

Suruhanjaya Siasatan Negeri (SCI) seumpama ini pernah ditubuhkan susulan tragedi Granito di Tanjung Bungah yang meragut 11 nyawa pada 21 Oktober 2017. Hasil siasatan SCI berhubung tragedi tersebut telah membawa kepada beberapa perakuan yang dikemukakan kepada pihak berkuasa Pulau Pinang berkaitan pembangunan di kawasan cerun bukit serta aspek pemantauan dan pengawalannya, termasuk cadangan supaya tindakan undang-undang diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab secara langsung atas perbuatan cuai dan pelanggaran undang-undang yang berlaku.

Berdasarkan pengajaran yang diperoleh daripada tragedi Granito, kami menjangkakan bahawa kejadian tanah runtuh seumpama ini tidak akan berulang. Namun begitu, amat mendukacitakan dan dikesali apabila tragedi tanah runtuh di Paya Terubong tetap berlaku. Justeru, penubuhan Suruhanjaya Siasatan Negeri (SCI) yang telus dan terbuka kepada orang awam amat diperlukan bagi mengenal pasti kelemahan serta kegagalan yang menyebabkan tragedi ini berlaku, di samping menentukan langkah-langkah pencegahan yang berkesan bagi mengelakkan kejadian seumpama ini daripada berulang. Jelas sekali, selepas sembilan tahun, masih terdapat kelemahan yang belum ditangani sepenuhnya dan keadaan ini menuntut tindakan pembetulan yang segera serta menyeluruh.

Adakah pihak berkuasa benar-benar mengambil iktibar daripada tragedi yang lalu, atau adakah mereka akan terus saling menuding jari dan melepaskan tanggungjawab, seperti yang sedang berlaku ketika ini?

Kami juga amat kesal dan berang apabila mendapati bahawa Draf Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2040 yang sedang dalam proses kajian semula mengandungi cadangan untuk membenarkan pembangunan di kawasan bukit dan cerun yang melebihi ketinggian 76 meter atau mempunyai kecerunan melebihi 25 darjah. Cadangan ini merupakan penyimpangan yang serius daripada ketetapan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 yang sedang berkuat kuasa. Pertubuhan-pertubuhan kami telah menyatakan bantahan terhadap cadangan tersebut melalui maklum balas yang dikemukakan kepada PLANMalaysia. Kami berharap agar

kebimbangan yang dibangkitkan ini diberikan perhatian serius dan tragedi tanah runtuh di Paya Terubong dijadikan pengajaran penting supaya kawasan bukit dan cerun bukit yang sensitif dari segi alam sekitar tidak diganggu atau diteroka untuk tujuan pembangunan.

Tindakan pihak berkuasa negeri mencadangkan pelonggaran sekatan terhadap pembangunan di kawasan bukit selepas tragedi tanah runtuh di tiga lokasi berasingan, iaitu Granito, Bukit Kukus dan kini Paya Terubong, yang telah meragut nyawa, merupakan suatu tindakan yang sama sekali tidak bertanggungjawab dan tidak boleh diterima.

Jelas sekali, pengajaran daripada tragedi terdahulu tidak diambil iktibar, manakala pihak yang bertanggungjawab tidak dikenakan hukuman sewajarnya.

Kami mendesak agar semua pihak yang bertanggungjawab terhadap tragedi yang sebenarnya boleh dielakkan ini dikenakan hukuman yang setimpal dan seberat-beratnya mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Kami juga mendesak Kerajaan Negeri supaya membatalkan cadangannya untuk membenarkan pembangunan di kawasan yang melebihi ketinggian 76 meter atau mempunyai kecerunan melebihi 25 darjah.

Pertubuhan-pertubuhan berikut menyatakan sokongan terhadap kenyataan media ini:

Sahabat Alam Malaysia
Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang (CAP)
Penang Hills Watch
Tanjung Bungah Residents Association
Jaringan Ekologi Dan Iklim
Penang Heritage Trust
Penang Forum
Women’s Centre for Change
Aliran
ProtectKarpal Coalition
Persatuan Agora
Persatuan Kejiranan Gelugor

Butiran lanjut dalam pantau PDF di sini:
https://consumer.org.my/wp-content/uploads/2026/10/20261026_Landslide.pdf